

11.3.2022

Siaran Media 2

5 PROJEK UTAMA DILAKSANAKAN DI PULAU PINANG UNTUK MENINGKATKAN KAPASITI RAWATAN AIR SEBANYAK 30.5% SEBELUM 2030

- **Kapasiti reka bentuk maksimum Loji Rawatan Air Sungai Dua akan dinaik taraf daripada 1228 MLD pada 2023 kepada 1342 MLD menjelang 2024.**
- **3 lagi loji rawatan air baharu akan beroperasi di Seberang Perai sebelum 2030.**

PULAU PINANG, Sabtu, 11.3.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) merancang untuk menyiapkan 5 projek utama dalam tempoh 5 tahun akan datang untuk meningkatkan kapasiti rawatan airnya sebanyak 30.5% sebelum 2030.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd Ir. Pathmanathan K. hari ini berkata bahawa jumlah kapasiti reka bentuk maksimum 9 loji rawatan air sedia ada Pulau Pinang ialah 1,599 JLH setakat bulan Februari 2023.

Beliau berkata demikian pada majlis pecah tanah rasmi Loji Rawatan Air DAF Bukit Panchor oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Tuan Chow Kon Yeow di SPS hari ini. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Tuan Zairil Khir Johari.

“Kami menjangkakan pengoperasian loji DAF baharu bernilai RM20 juta ini pada Ogos 2023. Ia akan meningkatkan kapasiti rawatan maksimum kami sebanyak 10 juta liter sehari (JLH) di Seberang Perai Selatan (SPS),” kata beliau.

“Kami merancang pelaksanaan satu lagi projek bernilai RM30.69 juta iaitu Pakej 12A LRA Sungai Dua. Pakej 12A menyaksikan pembinaan modul rawatan air tambahan di LRA Sungai Dua, dengan kapasiti reka bentuk maksimum 114 JLH.

“Kerja-kerja bagi Pakej 12A telah bermula sejak 15 Mac 2022 dan modul baharu ini harus dapat berfungsi pada bulan Disember 2023. Ini bermakna kapasiti reka bentuk maksimum LRA Sungai Dua akan meningkat daripada 1228 JLH pada tahun 2023 kepada 1342 JLH menjelang akhir tahun 2023. Pengoperasian Pakej 12A akan membolehkan PBAPP menghasilkan lebih banyak air terawat di LRA Sungai Dua dan mengepam lebih banyak air terawat ke SPS,” tambah beliau.

Ir. Pathmanathan berkata kerja-kerja rawatan air PBAPP utama lain yang sedang dirancang untuk pengoperasian sebelum 2030 termasuk:

- LRA Empangan Mengkuang baharu (114 JLH pada tahun 2025)
- LRA Sungai Kerian yang baharu (114 JLH pada tahun 2027)
- Skim Bekalan Air Sungai Perai (136 JLH pada tahun 2028)

Oleh yang demikian, pelan keseluruhan adalah untuk meningkatkan kapasiti rawatan air PBAPP sebanyak 488 JLH dalam tempoh dari tahun 2023 hingga 2028.

“Kami menyasarkan untuk mencapai peningkatan 30.5% dalam kapasiti rawatan air di negeri Pulau Pinang sebelum 2030, bagi menyokong visi Penang2030 oleh kerajaan negeri dengan memastikan kecukupan bekalan air. Pada masa yang sama, kami juga akan berusaha menangani isu bekalan air di SPS,” tambah beliau.

Beliau berkata LRA Sungai Dua telah menghasilkan purata 1,008 JLH* air terawat pada Januari dan Februari 2023, 10.9% lebih tinggi berbanding 909 JLH pada 2019 iaitu sebelum pandemik.

“Kami menghasilkan dan membekalkan lebih banyak air terawat daripada LRA terbesar Pulau Pinang itu berbanding sebelum ini. Namun begitu, kita perlu akui bahawa masih terdapat isu bekalan air di SPS,” kata beliau.

“Fakta dan angka mencerminkan realiti. Kami sedang berhadapan dengan senario luar biasa di mana lebih ramai pengguna air Pulau Pinang menggunakan lebih banyak air, selepas pandemik 2020-2022. Penggunaan air di Seberang Perai telah meningkat lebih 10% sejak 2019, dan fenomena ini memberi kesan kepada perkhidmatan bekalan air ke kawasan tanah tinggi dan hujung paip agihan di SPS,” tambah beliau lagi.

* PBAPP menghasilkan purata 1008 JLH air terawat di LRA Sungai Dua pada Januari dan Februari 2023. Dengan peratusan air tidak terhasil (NRW atau kehilangan air) sebanyak 23.7%, isipadu air sebenar yang sampai ke paip pengguna air adalah 769 MLD

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my